

MAHATHIR

1977

KUALA LUMPUR, 27 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEKANKAN PERLUNYA KEADAAN HARMONIS DALAM HUBUNGAN PERUSAHAAN BAGI MENJAMIN KECEKAPAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, PERSOALAN MENGENAI PAMPASAN DAN SYARAT-SYARAT BEKERJA BARU-BARU INI TELAH MENIMBULKAN KERAGUAN TENTANG SAMADA REKOD TRADISIONAL MENGENAI HUBUNGAN PERUSAHAAN YANG BAIK DAPAT TERUS DIKEKALKAN DI NEGARA INI.

TAMBAH BELIAU, +ADALAH MENJADI DASAR KERAJAAN UNTUK MENGGALAKKAN KEMAJUAN HUBUNGAN PERUSAHAAN YANG BAIK DI MANA GOLONGAN BURUH DAN PENGURUSAN BOLEH BERTEMU SECARA BERBAIK-BAIK SERTA MENYELESAIKAN SEGALA ISU MELALUI PERUNDINGAN BERPANDUKAN SEMANGAT YANG BAIK.+

MENURUT BELIAU, KEADAAN INI BOLEH DIWUJUDKAN BERDASARKAN DUA FAKTA ASAS.

PERTAMA, ADALAH ADIL BAGI PARA PEKERJA DIBERI GANJARAN YANG CUKUP UNTUK TUGAS-TUGAS MEREKA KERANA HANYA MELALUI PAMPASAN SEUMPAMA ITU DAPAT MEREKA SAMA-SAMA MENIKMATI FAEDAH KEMAJUAN EKONOMI NEGARA.

KEDUA, DI BAWAH SISTEM PERDAGANGAN BEBAS PELABURAN PERNIAGAAN DAN PENGLUASAN DAN PENGWUJUDAN PEKERJAAN DI SEKTOR SWASTA SANGAT-SANGAT BERGANTUNG KEPADA GALAKAN. -- BERSAMBUNG 1833/ZCM
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP DI UPACARA PENANDATANGANAN SATU PERJANJIAN DI SINI DALAM MANA KUMPULAN FIMA MEMBELI 30 PERATUS DARIPADA MODAL YANG DIBENARKAN KEPUNYAAN SUPERMARKETS MALAYSIA BERHAD DARI SYARIKAT COLD STORAGE HOLDINGS.

BELIAU MENEGASKAN PERJALANAN SISTEM EKONOMI PERDAGANGAN BEBAS YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI SEKARANG AKAN TERGUGAT SEKIRANYA PARA PENIAGA TIDAK LAGI MERASA MENGUNTINGKAN BAGI MEREKA MELABUR MODAL DI NEGARA INI.

ZDALAM KEADAAN DEMIKIAN BUKAN SAJA PIHAK PEKERJA AKAN TERLIBAT MALAH NEGARA AKAN TURUT MENDERITA,+ UJAR BELIAU.

+PIHAK BURUH DAN PENGURUSAN YANG BERTANGGUNGJAWAB SUDAH SEMESTINYA MEMAHAMI SEPENUHNYA KEDUDUKAN MEREKA DAN BERSEDIA UNTUK BERTOLAK ANSUR ANTARA SATU SAMA LAIN.

+HUBUNGAN PERUSAHAAN TIDAK HARUS BERDASARKAN KEUPAYAAN RELATIF PIHAK PEKERJA DAN MAJIKAN UNTUK MEROSAKKAN ANTARA SATU SAMA LAIN MELALUI TINDAKAN PERUSAHAAN.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENJELASKAN WALAUPUN TERDAPAT KEBIMBANGAN DI KALANGAN PIHAK-PIHAK TERTENTU, KALANGAN SWASTA TELAH PUN MEN-DAPAT FAEDAH DARI KEADAAN EKONOMI YANG BAIK SEKARANG.

KATANYA, DENGAN TERDAPATNYA PENDAPATAN YANG LEBIH TINGGI, KEYAKINAN PENGGUNA TELAH MENINGKAT DAN HASILNYA PERBELANJAAN PIHAK PENGGUNA JUGA BERTAMBAH. -- BERSAMBUNG 1844/ZCM

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, PERMINTAAN TEMPATAN YANG MENINGKAT INI MERUPAKAN SATU PETANDA BAIK BAGI PELABURAN DAN PEMBESARAN YANG LEBIH LUAS KERANA IA AKAN MEMBOLEHKAN PIHAK SYARIKAT MENAMBAH PENGELUARAN MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TELAH DIBERITAHU BAHAWA BANYAK SYARIKAT TELAH MENGGUNAKAN KEBANYAKAN DARIPAA KEUPAYAAN YANG BERLEBIHAN YANG DIAKIBATKAN OLEH KEMEROSOTAN PADA TAHUN 1975 DAN KINI TELAH SAMPAI KE PERINGKAT YANG KRITIKAL UNTUK MEMPERLUASKAN KEUPAYAAN MEREKA SEKIRANYA MEREKA INGIN MEREBUT PELUANG-PELUANG PASARAN YANG BERTAMBAH BERIKUTAN MENINGKATNYA PENDAPATAN DAN TARAF HIDUP RAKYAT NEGARA INI.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA DENGAN BERTAMBAHNYA PERMINTAAN TEMPATAN DAN PENINGKATAN KADAR INFLASI DI NEGARA-NEGARA UTAMA DARI MANA MALAYSIA MENGIMPORT KEBANYAKAN DARIPADA BARANG-BARANG-NYA, KADAR UMUM ANGKA TUNJUK PENGGUNA SETAKAT TAHUN INI TELAH MENINGKAT SEBANYAK KIRA-KIRA EMPAT PERATUS BERBANDING DENGAN TEMPOH YANG SAMA TAHUN LALU.

+KITA MEMANDANG BERAT PERKEMBANGAN INI SUNGGUHPUN BAGI KEBANYAKAN NEGARA, KADAR INFLASI SEBANYAK ITU MERUPAKAN SATU PRESTASI YANG BAIK.

+BAGI MALAYSIA YANG BIASANYA MEMPUNYAI KESTABILAN HARGA, TIDAKLAH MEMERANJATKAN BAHAWA KITA TELAH DAN AKAN TERUS MENGGUNAKAN KUASA YANG ADA UNTUK MENENTANG INFLASI SEKIRANYA TERDAPAT TANDA-TANDA KEADAAN ITU BERTAMBAH SERIUS.+ -- BERSAMBUNG

--1853/70M

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

PEMBELIAN SAHAM SEBANYAK 7.2 JUTA ITU DENGAN HARGA \$1 SATU ADALAH HASIL RUNDINGAN YANG DIJALANKAN SEJAK SETAHUN LALU.

DI BAWAH PERJANJIAN ITU, SUPERMARKETS MALAYSIA BERHAD AKAN DINAMAKAN SEMULA DENGAN NAMA FIMA-PASARAYA BERHAD.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENERUSI FIMA DAN PENGARAH URUSAN FIMA, ENCIK RAMLI KUSHAIRI MENANDATANGANI PERJANJIAN ITU BAGI PIHAK PERBADANAN TERSEBUT SEMENTARA COLD STORAGE HOLDINGS DIWAKILI OLEH PENERUSINYA, ENCIK S.R. PAKER DAN TIMBALANNYA, ENCIK M.V. QUIE. -- BERNAMA 1857/ZCM